

Pastikan terus catat kejayaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa

Bersatu kukuhkan reputasi UMS

UM 24/8/2011 30

Oleh **SITTI NOR AZIZAH TALATA**
utusanabah@utusan.com.my

LABUAN 23 Ogos - Warga Universiti Malaysia Sabah (UMS) diminta bekerja dalam satu pasukan untuk memastikan institusi pengajian itu terus menempa kejayaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Ampon berkata,

kerjasama semua pegawai, pensyarah dan kakitangan sokongan sangat diperlukan agar lebih ramai modal insan berkualiti cemerlang terus mampu dilahirkan oleh universiti itu.

"Semua warga UMS mesti bergerak dari sekarang bagi memastikan kejayaan yang lebih cemerlang mampu dicapai dalam pelbagai bidang sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa," ka-

tanya.

Beliau berucap pada majlis berbuka puasa UMS-Kampus Antarabangsa Labuan (KAL) yang dihadiri lebih 200 tetamu di Hotel Grand Dorsett di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pendaftar UMS, Abdullah Mohd. Said dan Pengarah UMS-KAL, Prof. Madya Dr. Shariff Abdul Kadir Omang.

Kamaruzaman turut menyam-

paikan cenderamata kepada tetamu daripada Jabatan Penerangan, Jabatan Agama Islam Labuan, Jabatan Imigresen dan Jabatan Bomba yang menghadiri majlis itu.

Sementara itu, Shariff berkata, beberapa projek pembangunan sedang dan akan dilaksanakan di UMS Labuan termasuk dewan kuliah pusat, perpustakaan, asrama penginapan dan kemudahan teknologi mak-

lumat.

Katanya, pelaksanaan projek itu membuktikan UMS-KAL tidak pernah dipinggirkan oleh pihak penguurusan induk UMS.

"Sebagai sebuah kampus bertaraf antarabangsa, UMS-KAL harus memiliki prasarana yang setanding dengan statusnya untuk kemudahan pelajar dan kakitangan," ujarnya.